

06/05/1998

Asnita beri pinjaman untuk anak pelabur

Rosmin Darus

AMANAH Saham Wanita (Asnita) akan mengeluarkan pinjaman pendidikan kepada anak pelabur yang menepati kriteria seperti ditetapkan selepas mendapat keuntungan daripada tahun pertama skim itu.

Pengerusi Eksekutif Hijrah Unit Trust Management Berhad (Hijrah), Rohani Datuk Mohd Shahir, bagaimanapun tidak memberitahu kriteria berkenaan atau jumlah pinjaman kecuali berkata pihaknya mempunyai bahagian zakat.

Katanya, Asnita juga menetapkan sasaran dua kali setahun untuk mengadakan seminar perancangan kewangan keluarga kepada pelabur bagi meningkatkan keberkesanan masyarakat mengurus wang.

"Kami mempunyai bahagian zakat dan kami akan memperuntukkannya untuk pinjaman kepada pelajar yang layak dan menepati kriteria tertentu selepas tahun pertama Asnita membuat keuntungan," katanya selepas pelancaran Asnita, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di Kuala Lumpur, semalam.

Majlis itu dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Lebih 3,000 wanita pelbagai lapisan usia hadir termasuk beberapa pemimpin tertinggi parti komponen Barisan Nasional (BN).

Asnita diusahakan oleh Pergerakan Wanita Umno pimpinan Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman yang mendapat kelulusan Suruhanjaya Sekuriti (SC) pada 23 April lalu. Jumlah pelaburan yang diluluskan ialah 400 juta unit dengan harga tawaran 50 sen seunit.

Rohani berkata walaupun ada lebih 80 amanah saham dalam pasaran sekarang, Asnita meletakkannya ciri-ciri perbezaan sebagai faedah tambahan kepada pelaburnya.

Selain pinjaman pendidikan, Asnita juga menawarkan skim insurans yang merangkumi khairat kematian sehingga RM1,000, pelaburan langsung kepada peniaga kecil selepas setahun beroperasi, boleh mempunyai akaun bersama antara suami isteri, memotong gaji suami untuk faedah isteri dan membuka akaun bagi pihak kanak-kanak.

"Walaupun Asnita diwujudkan untuk wanita tetapi ia dibuka untuk semua rakyat Malaysia lelaki dan wanita berusia 18 tahun ke atas. Rakyat asing, korporat, institusi dan badan kerajaan juga boleh melabur," katanya.

(END)